

SK CATHOLIC ENGLISH PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

PdPR Minggu 30
Selasa 7hb September 2021

UNIT 13 KESEDERHANAAN Kesederhanaan Mengeratkan Hubungan Sesama Jiran

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

KESEDERHANAAN MENGERATKAN HUBUNGAN SESAMA JIRAN



Baca dan fahami kandungan *Instagram*.



Hanling2010

Amalan sederhana di rumah jiran.



♥ 110 suka

Hanling2010 Saya menghadiri majlis sambutan hari kelahiran jiran. Jiran pelbagai kaum berkunjung ke majlis ini.





Lihat semua komen

Munhuat Wah, banyaknya tetamu! Pasti seronok dapat berjumpa dengan jiran.

21m 3 Suka Balas



Hanling2010 @Munhuat Ya, lihatlah gambar yang saya ambil. Tetamu yang hadir berpakaian sederhana dan cantik.

25m 2 Suka Balas



Hakimi08 Banyaknya makanan di atas meja. Mesti sedap dan lazat rasanya.

27m 4 Suka Balas



Hanling2010 @Hakimi08 Makanan memang banyak, sedap dan lazat tetapi kami makan mengikut keperluan agar tidak membazir.

29m 1 Suka Balas



Tiviyaa Cantiknya baju yang kamu pakai, Han Ling! Harganya mesti mahal.

32 m 10 Suka Balas



Hanling2010 @Tiviyaa Terima kasih. Sebenarnya baju itu dijahit oleh jiran dengan upah yang murah. Saya gembira dapat berjimat.

35 m 5 Suka Balas



Tiviyaa @Hanling2010 Bagusnya kamu. Majlis ini juga nampak meriah dengan kehadiran jiran.

36 m 2 Suka Balas



Hanling2010 @Tiviyaa Betul kata kamu, memang meriah tetapi majlis ini disambut secara sederhana.

37 m 6 Suka Balas



Tiviyaa @Hanling2010 Ya, amalan sederhana ini dapat mengeratkan hubungan dan perpaduan antara jiran.

38 m 10 Suka Balas



Hanling2010 @Tiviyaa 🙌👓

39 m 4 Suka Balas

- ◆ Berdasarkan kandungan *Instagram*, senaraikan sikap sederhana yang diamalkan oleh Han Ling terhadap jirannya.
- ◆ Jelaskan cara kamu mengamalkan kesederhanaan semasa menghadiri majlis keramaian di kawasan kejiranan.
- ◆ Kesederhanaan membawa banyak manfaat. Bincangkan. 🧠

• NOTA GURU •

- Bimbing murid memahami kandungan *Instagram*.



UNIT 13 KESEDERHANAAN

Kesederhanaan Mengeratkan Hubungan Sesama Jiran

Fahami situasi. Tulis cara bersikap sederhana dalam hidup berjiran dengan betul.

Memetik dan mengambil buah setakat yang perlu sahaja.

Berhenti bermain dan memberi peluang kepada anak-anak jiran pula.

Memulangkan buku tersebut mengikut tarikh yang ditetapkan.

Menyiapkan kerja sekolah dahulu sehingga selesai.

Membeli alatan keperluan sekolah dahulu, bakinya boleh disumbangkan kepada jiran.

Mengambil makanan mengikut keperluan dan tidak mengabaikan kepentingan tetamu lain.

Situasi	Cara Bersikap Sederhana
Kamu bertanggung membuat kerja sekolah kerana ingin menyertai majlis perasmian balai raya di kawasan kejiranan kamu.	
Kamu mengambil makanan terlalu banyak ketika majlis perkahwinan jiran. Tetamu yang datang pula semakin bertambah ramai.	
Kamu dan adik bermain buaian terlalu lama di taman. Anak-anak jiran yang lain sedang menunggu giliran untuk bermain buaian.	
Jiran membenarkan kamu memetik buah rambutannya. Kamu dan rakan telah memetik buah dengan banyak.	
Kamu tidak memulangkan buku yang dipinjam daripada jiran lebih sebulan yang lalu.	
Jiran kamu meminta sedikit sumbangan untuk membantu kos rawatan anaknya. Kamu pula ingin membeli alatan keperluan sekolah.	